

Program Sentuhan Kasih Pendidikan Moral SPM set 1

1. Keratan akhbar di bawah berkaitan dengan tangkapan keldai dadah

Sepang: Seramai 101 individu ditahan pihak berkuasa sepanjang tahun lalu selepas dikesan - dijadikan keldai dadah.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Mohd Khalil Kader berkata, jumlah itu angka yang besar dan perlu ditangani dengan serius.

Dia berkata, Polis Diraja Malaysia (PDRM) berusaha menangani masalah itu dengan mempertingkatkan kawalan di pintu masuk utama khususnya di lapangan terbang di negara ini.

"Seramai 82 rakyat Malaysia terbabit sebagai keldai dadah di luar negara dan ada antaranya ditahan di Colombia dan Chile," katanya selepas

101 keldai dadah ditahan



MOHD Khalil Kader (lima dari kiri) menyempurnakan gimik pelancaran Jabatan Narkotik di KLIA, semalam. Turut kelihatan Timbalan Pengarah JSJN Bukit Aman, Datuk Kamarul Zaman Mamat (tiga dari kiri).

menghadiri Majlis Pelancaran Jabatan Narkotik di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur

(KLIA) di sini, semalam. Turut hadir, Timbalan Pengarah (Pelucutan Harta/Perundangan / Taha-

nan) JSJN, Zulkifli Ali dan Timbalan Pengarah (Penguatkuasaan / Pencegahan / KePOLISAN AM JSJN Mat Zaini @ Muhd Salahuddin Che Ali.

Mohd Khalil berkata, JSJN sedia dijenamakan semula bagi memperkukuh fungsinya membabitkan tugas di lapangan terbang yang menjadi pintu masuk dan aktiviti penyeludupan dadah.

Menurutnya, penjenamaan itu juga dapat meningkatkan kualiti kerja PDRM di samping membantu pegawai yang bertugas memberi fokus terhadap tugas dijalankan mereka.

Sumber : <https://www.facebook.com/PolisJohor/photos>

Keldai dadah merujuk kepada seseorang yang secara rela atau diperdaya untuk menjadi kurier, membawa dadah atau barang seludup ke negara lain.

- (a) Pada pandangan anda, keldai dadah tersebut patut diadili mengikut prinsip keadilan atau prinsip keprihatinan ? Terangkan pilihan anda. [3m]

.....

.....

.....

- (b) Nyatakan implikasi yang akan berlaku jika masalah keldai dadah tidak dibanteras [3m]

i

.....

.....

.....

ii

iii

- (c) Jelaskan bagaimana anda dapat mengelakkan diri daripada menjadi keldai dadah. [4m]

i

.....

.....

.....

ii

.....

.....

.....

2. Pernyataan di bawah berkaitan dengan keldai dadah ditahan.

Keldai Dadah Ditahan

Seorang wanita rakyat Malaysia telah ditahan di lapangan terbang antarabangsa di sebuah negara jiran kerana disyaki menyeludup dadah. Menurut wanita tersebut, dia ke negara itu kerana dijanjikan pekerjaan dengan gaji yang lumayan. Ketika bertolak ke sana, dia diberikan sebuah beg untuk dihantar kepada seorang pekerja di tempat dia akan bekerja.

(a) Pada pendapat anda, bagaimanakah wanita tersebut diadili mengikut prinsip keadilan dan prinsip keprihatinan.

i Prinsip keadilan. [2m]

.....
.....
.....

ii Prinsip keprihatinan. [2m]

.....
.....
.....

(b) Bagaimanakah anda boleh mengelakkan daripada menjadi mangsa penipuan seperti kes ini ? [2m]

.....
.....

(c) Huraikan tindakan pihak berkuasa dalam menangani penyeludupan dadah. [3m]

.....
.....
.....
.....
.....

(d) Namakan akta yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah. [1m]

.....

